KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : **9 NOVEMBER 2017**



# Bela nasib orang Melayu bandar

## Mat Taib mahu pastikan kelangsungan bangsa itu agar relevan dengan arus kemajuan semasa



MUHAMMAD

**KUALA LANGAT** - Pakar-pakar pelbagai bidang dalam kalangan orang Melayu perlu duduk bersama segera bagi mencari satu dasar baharu yang lebih komprehensif dan kompetitif untuk memastikan kelangsungan bangsa tersebut di bandar besar seperti Shah Alam dan Kuala Lumpur.

Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, dasar baharu yang progresif perlu dibentuk bagi mengelak nasib orang Melayu menjadi lebih buruk.

Menurutnya, sebagai contoh, majoriti orang Melayu di Selangor adalah generasi muda yang masih tidak memiliki rumah sendiri hingga terpaksa menyewa berpuluh-puluh tahun.

"Saya nak tanya macam mana generasi muda dalam kalangan orang Melayu boleh beli rumah yang berharga RM1 juta seunit.

"Semasa kita tadbir Selangor kita bina rumah semurah RM25,000 seunit di Shah Alam untuk rakyat di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)...tapi hari ini adakah masih lagi wujud rumah dengan harga sebegitu yang mampu dimiliki orang Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Penerangan Isu-Isu Selangor di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Jugra, kelmarin.

Hadir sama Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli dan Koordinator Pembangunan Dewan Undangan Negeri Morib, Hisham Talib.

Beliau berkata, pakar-pakar sosiologi, antropologi dan ekonomi perlu mencari jalan supaya nasib orang Melayu di bandar dapat dibela agar relevan dengan arus kemajuan semasa.

"Sebelum ni, saya sudah maklumkan kepada Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Selangor, Tan Sri Noh Omar cadangan untuk mengadakan Konvensyen Melayu Bandar bagi membincangkan hala tuju orang Melayu yang semakin dipinggirkan dari arus kemajuan di negeri ini.

"Jadi dalam konvensyen ini, perlu dibincangkan pelbagai isu orang Melayu di bandar, ia dikupas dan dibincangkan oleh mereka yang bijak pandai...terdiri daripada orang Melayu sendiri.

"Ini termasuklah isu agama Islam. Kali terakhir undang-undang memperkasakan pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) ditambah baik adalah semasa BN mentadbir Selangor pada tahun 2008," katanya.

Beliau berharap selepas konvensyen itu diadakan, orang Melayu dapat dibela oleh satu unit khas sebagaimana penubuhan Felda membela nasib orang Melayu pada zaman Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak hingga era Datuk Seri Najib Razak.



Sebahagian peserta yang hadir pada program itu di ILP Jugra, kelmarin.



karyabestari.karangkraf.com | Karya Bestari | @alqurankbestari | @alqurankaryabestari
Karya Bestari, Lot 26, Jalan Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
No Tel: 03-51013817 / 3819 / 3820 • Faks : 03-5101 3685
Beli secara online di http://mall.karangkraf.com atau whatsapp ke nombor 019-2297227. Dapatkan juga buku-buku ini di rangkaian kedai buku MPH, POPULAR, SMO dan BORDERS serta kedai-kedai buku berikut: